

Headline	Jimah East Power kini 75peratus siap		
MediaTitle	Kosmo		
Date	04 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	256 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,932		



# Jimah East Power kini 75% siap

Projek jana kuasa di Port Dickson dijangka mula operasi pertengahan 2019

**K**UALA LUMPUR – Jimah East Power iaitu sebuah projek infra rakyat yang dibangunkan oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) di Port Dickson, Negeri Sembilan kini mencapai status 75 peratus siap.

TNB menerusi satu kenyataan berkata, projek bernilai RM12 bilion itu dijangka siap mengikut jadual dan mencapai tarikh operasi komersial seawal pertengahan 2019 bagi unit pertama jana kuasa.

“Apabila beroperasi kelak, ia akan meningkatkan kapasiti penjanaan TNB untuk negara kepada 53.2 peratus daripada 51.8 peratus dengan menggunakan teknologi *ultra supercritical* iaitu teknologi pembakaran



APABILA siap kelak, Jimah East Power akan meningkatkan jumlah keseluruhan penjanaan elektrik negara kepada 26,897MW.

arang batu yang efisien dengan kecekapan 40 peratus berbanding sistem teknologi arang batu berhablur yang mempunyai 36 peratus kecekapan,” katanya di sini semalam.

TNB menambah, apabila

siap sepenuhnya pada Disember 2019, stesen tersebut akan meningkatkan jumlah keseluruhan penjanaan elektrik negara kepada 26,897 megawatt (MW) berbanding 24,138MW pada Disember 2017.

## INFO Jimah East Power

- Terletak di mukim Jimah, Port Dickson, Negeri Sembilan
- Mula dibina pada Julai 2016
- Dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2019
- Kos pembinaan RM12 bilion
- Kapasiti penjanaan 2,000MW menerusi dua unit jana kuasa
- Menggunakan teknologi *ultra supercritical* menerusi pembakaran arang batu yang efisien

Katanya, projek dua unit jana kuasa dengan kapasiti 2,000 MW itu turut berupaya mewujudkan peluang peniagaan dan pekerjaan kepada penduduk setempat.